

**Cabaran Hubungan Serantau Malaysia–Indonesia : Tinjauan Umum
Terhadap Peristiwa Konfrantasi 1963 – 1966**

Oleh

Rohani Hj. Ab.Ghani & Zulhilmi Paidi



Abstrak

Hubungan luar dan dasar luar sesebuah negara merupakan di antara intipati bagi pengukuhan dan kejayaan sesebuah negara. Perkembangan ekonomi, politik dan sosial sesebuah negara perlu dihubungkan dengan negara lain agar ia dapat dikongsi bersama dan sekaligus memacu kemajuan. Negara yang bersendirian akan tersisih dan terpinggir dari arus kemajuan dan pembangunan. Dalam konteks hubungan antara negara ini, hubungan yang baik dan bertoleransi adalah amat penting. Walau bagaimanapun ada kalanya kita tidak dapat lari dari berlaku persengketaan akibat dari salah faham ataupun atas dorongan yang lain. Ini sering kali berlaku antara negara jiran yang kadangkala berkongsi kepentingan ataupun sempadan. Sesekali berlaku ianya dijadikan panduan agar tidak berulang di hari depan. Justeru itu kertas kerja ini akan membincangkan cabaran paling besar dalam hubungan serantau di antara Malaysia dan Indonesia sepanjang sejarah perkembangan kedua-dua negara. Kertas ini akan membicarakan Konfrantasi 1963-1966 yang merupakan peristiwa malang bagi hubungan kedua buah negara yang datang dari rumpun bangsa yang sama. Tumpuan diberikan untuk melihat secara umum latar belakang peristiwa, pengaruh peristiwa konfrantasi kepada hubungan bilateral dan juga impak keseluruhan yang dihasilkan oleh tragedi ini. Ini diharap dapat memberikan gambaran dan panduan secara umum tentang hubungan Malaysia dan Indonesia terutamanya dalam menghasilkan keputusan bagi dasar luar kedua-dua buah negara sama ada terhadap negara lain ataupun sesama sendiri.

*** Dibentangkan di Seminar Hubungan Malaysia – Indonesia pada 8–9 April 2003. Anjuran bersama Universiti Utara Malaysia dan Universitas Islam Riau bertempat di Universitas Islam Riau, Pekanbaru, Sumatera, Indonesia.

Pengenalan

Kemerdekaan yang tercapai di negara-negara di rantau Asia Tenggara adalah amat berbeza di antara satu dengan yang lain. Ini menjadikan perkembangan politik dan keselamatan di zaman-zaman awal kemerdekaan negara-negara di rantau ini adalah amat unik. Kedudukan Malaysia yang secara geo-politiknyanya terletak bersempadan dengan beberapa negara jiran yang serumpun telah mendorong kepada terwujudnya hubungan baik antara negara. Ini adalah amat penting bagi perkembangan sesebuah negara baru seperti Malaysia dalam proses memperkukuhkan kedudukannya di peringkat antarabangsa. Hubungan baik antara Malaysia dan Indonesia banyak dipengaruhi oleh faktor rumpun bangsa, persamaan yang jelas dari segi budaya dan agama serta kedudukan geo-politik antara kedua negara yang agak berdekatan (Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 1978). Faktor ini menjadi elemen yang cukup penting dalam hubungan antara dua buah negara yang bertetangga ini. Biarpun begitu perkembangan politik antarabangsa tetap merupakan indikator penting dalam mempengaruhi hubungan antara kedua negara. Diantara perkembangan yang amat menarik perhatian ialah perubahan polisi hemogeni China dalam memperluaskan fahaman komunismenya dan peningkatan pengaruh komunisme yang berlaku di Vietnam. Tetapi percubaan Partai Komunis Indonesia (PKI) menanam pengaruh dalam kerajaan pimpinan Sukarno merupakan tumpuan paling utama kepada Malaysia dalam menguruskan aktiviti bilateralnya dengan Indonesia. Kejayaan PKI mempengaruhi Sukarno akhirnya membawa padah berlakunya persengketaan antara jiran serumpun Indonesia-Malaysia dari tahun 1963-1966.

Latar Belakang Hubungan Malaysia-Indonesia

Secara umumnya latar belakang hubungan istimewa Malaysia-Indonesia jelas terpapar seperti yang diucapkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu (PTM), di Mesyuarat Menteri-Menteri di Jakarta pada 8 November 1955. Antara lain Tunku menjelaskan,

Bahawasanya tidaklah dapat disangkal oleh dunia akan Perhubungan antarabangsa Melayu dengan bangsa Indonesia yang mana pada satu masa kita dikenali sebagai satu bangsa yang mendiami gugusan pulau-pulau Melayu...Sungguhpun kita bercerai di satu babak tetapi bersatu di satu babak yang lain iaitu babak kebudayaan.

Ucapan Tunku itu menggambarkan dengan jelas hubungan antara dua bangsa dari dua negara ini adalah suatu yang sukar dipisahkan. Semangat satu bangsa serumpun ini merupakan cetusan sejarah yang pernah wujud antara kedua buah negara yang mana konsep 'Melayu Raya' atau 'Indonesia Raya' pernah diperjuangkan oleh para pendokong semangat kebangsaan baik di Malaysia pada tahun-tahun 1930-an mahupun di Indonesia dalam dekad yang sama.

Pada masa yang sama Indonesia juga merupakan negara pertama dari kalangan bukan ahli Commonwealth yang mempunyai perwakilan dari Malaysia apabila kemerdekaan dicapai pada tahun 1957. Manakala pada 17 April 1959, Perjanjian Persahabatan telah ditandatangani oleh kedua-dua buah negara (Malaysia-Indonesia

Relation, 1963). Hubungan yang diasaskan kepada rasa saling menghormati antara satu sama lain dan berprinsipkan setiakawan serumpun dan latar belakang sejarah yang hampir sama telah ditandatangani di Kuala Lumpur antara Timbalan Perdana Menteri Tanah Melayu (Malaysia) Datuk Abdul Razak dan Dr. Juanda Kartawidjaja, Perdana Menteri bagi pihak Indonesia (Mohd. Nor Abdullah, 1979).

Latar Belakang Konfrantasi Indonesia – Malaysia 1963-1966

Hubungan Malaysia dan Indonesia yang berlangsung dalam suasana yang baik sejak kemerdekaan Malaysia sebagai Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 telah berterusan sehinggalah tercetusnya konfrantasi antara Indonesia dengan Malaysia pada 1963 sehingga 1966.

Tempoh berlakunya konfrantasi dilihat sebagai satu jangka masa yang paling sukar dalam sejarah diplomasi Malaysia-Indonesia di rantau Asia Tenggara (Muhammad Hear, 1976). Adalah jelas konfrantasi yang berlaku pada ketika itu telah mengakibatkan hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Indonesia terputus langsung. Hubungan yang terputus ini turut mempengaruhi konteks hubungan dari semua aspek ekonomi, sosial dan politik. Menambah burukkan lagi keadaan pada ketika yang sama hubungan Malaysia-Filipina telah turut terjejas akibat dari tuntutan Filipina ke atas Sabah yang bersetuju menyertai Persekutuan Malaysia..

Gagasan penubuhan Malaysia yang bakal menyatukan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak telah dijadikan alasan utama oleh Indonesia dalam persengketaannya dengan Malaysia. Konfrantasi yang diumumkan agak mengejutkan Persekutuan Tanah Melayu yang sedang dalam proses pembentukan Persekutuan Malaysia, lebih-lebih lagi pada peringkat awal gagasan Persekutuan Malaysia dibuat ianya dialu-alukan oleh Menteri Luarnya Dr Subandrio.

Konfrantasi Indonesia ke atas Malaysia secara rasminya telah diumumkan oleh Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio pada 20 Januari 1963 (*The Straits Times*, 1963). Semasa pengumumannya antara lain beliau berkata, "*Konfrantasi menentang Malaysia kerana Malaysia merupakan sebagai 'pengikut setia' kepada neo-kolonialisma...*" (*Antara News Billetin*, 1963:1). Malaysia memandang berat dan menampakkan kebimbangan terhadap ancaman dari Indonesia yang dirasakan telah dipengaruhi oleh pihak Partai Komunis Indonesia (PKI). (*The Malay Mail*, 1963).

Walaupun begitu terdapat beberapa faktor lain yang saling berkaitan yang turut sama menjadi penyebab kepada perkara di atas. Hanya penubuhan Persekutuan Malaysia sekadar mempercepatkan lagi persengketaan yang sedia ada. Ini kerana sebelum tahun 1963, hubungan Malaysia-Indonesia telah agak tegang berikutan dengan tuduhan-tuduhan Indonesia bahawa Kuala Lumpur telah bertindak campur tangan dalam soal negaranya. Bagaimanapun tidak dapat dinafikan faktor yang paling mengancam kedudukan hubungan Malaysia dan Indonesia sehingga

tercetusnya konfrantasi ialah peningkatan pengaruh PKI dalam pentadbiran kerajaan Indonesia. Pengaruh PKI dalam politik di Indonesia telah mewujudkan persaingan di antara parti itu dengan parti-parti lain khususnya dengan Angkatan Tentera Indonesia (ABRI). Pengaruh PKI telah menjadi elemen penting dalam perubahan dasar Indonesia yang sebelum ini menyokong penubuhan Malaysia. Tentangan awal terhadap rancangan penubuhan Malaysia oleh PKI jelas tergambar apabila kenyataan penentangan tersebut telah disuarakan oleh pemimpin PKI iaitu A.N.Aidit yang antara lain menegaskan bahawa penubuhan Malaysia adalah satu penjajahan bentuk baru di Asia Tenggara. Menurutnya lagi, rancangan tersebut (dan juga penubuhan SEATO) akan mengancam kedaulatan dan keutuhan wilayah Indonesia (Mohd Nor, 1979).

Sementara itu pemberontakan oleh puak kiri di Brunei yang dipimpin oleh Sheikh A.M.Azahari telah di tafsirkan sebagai satu isyarat jelas penentangan rakyat Kalimantan terhadap Malaysia. Situasi yang hangat ini telah digunakan dengan sepenuhnya oleh Indonesia untuk menunjukkan penentangan secara terbuka. Presiden Sukarno dalam kenyataannya menafikan dasar Indonesia itu adalah akibat dari pengaruh komunis sebaliknya adalah kerana Malaysia merupakan satelit kepada kuasa-kuasa neo-kolonialisma di rantau ini.

Dasar konfrantasi Indonesia ke atas Malaysia sekaligus telah memutuskan hubungan yang sebelumnya ini pemimpin-pemimpin antara kedua-dua buah negara mengakui hubungan yang wujud adalah bersifat saudara kandung. Sehubungan

dengan itu, Duta Malaysia di Indonesia, Dato Kamaruddin Hj. Idris telah dipanggil pulang.

Biarpun perisytiharan konfrantasi telah dibuat oleh Indonesia , Malaysia tetap berusaha dari sudut diplomatik untuk mengelakkan dari berlakunya pertentangan secara terbuka di antara Malaysia dan Indonesia tetapi ternyata gagal. Antara beberapa kenyataan Tunku berhubung dengan keengganan Indonesia dalam memberikan maklum balas terhadap usaha-usaha Malaysia bagi mengelakkan konflik ini dari berpanjangan ialah "*...we will try to approach them diplomatically once again, but they still don't answer. We will have to start thinking differently*" (The Strait Times, 21).

Sewaktu usaha-usaha diplomatik sedang dijalankan untuk mengatasi kebuntuan tersebut, Indonesia telah bertindak menghantar tentera-tenteranya ke wilayah Malaysia. Di antaranya pada 16 September 1963 hingga 19 Jun 1964, gerila-gerila Indonesia yang menggelarkan diri mereka sebagai sukarelawan telah mencero boh masuk ke wilayah Sabah sebanyak 116 kali dan 61 kali di Sarawak. Selain dari itu Indonesia juga telah melakukan pencerobohan-pencerobohan di ruang udara Malaysia yang telah memaksa Malaysia untuk meminta bantuan dari Britain dan Perancis (Kunasean,1996). Mereka juga telah menyusupkan kumpulan pengintip bagi menghasut rakyat Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan di negara ini. Indonesia juga telah melakukan sabotaj ke atas perahu-perahu nelayan Malaysia di perairan Selat Melaka. Pada 17 Ogos 1964, pendaratan tentera-tentera Indonesia di

Pontian dan pada 2 September 1964, tentera-tentera payung terjun Indonesia telah mendarat di Mersing dan Labis, Johor (The Strait Times, 1964)

Bagaimanapun tentera-tentera Indonesia yang mendarat di perairan Malaysia dan merupakan para sukarelawan kemudiannya mendapati bahawa rakyat di negara ini tidak berada bawah cengkaman penjajahan sebagaimana yang didakwa oleh Sukarno. Ini banyak membantu mengubah persepsi mereka terhadap konfrantasi yang sedang berlangsung. Selain dari itu kehidupan rakyat Malaysia jauh lebih baik dari kehidupan mereka di Indonesia. Oleh yang demikian misi pembebasan yang cuba dibawa oleh Sukarno melalui tentera-tenteranya telah menemui kegagalan (Kennedy, 1993). Ini kerana para sukarelawan dan tentera yang terlibat mula berbelah bahagi dan ragu dengan misi yang dilaungkan oleh Sukarno yang telah dipengaruhi PKI.

Dalam usaha untuk mengatasi ancaman Indonesia, Malaysia telah menjalankan pelbagai usaha diplomatik baik di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Usaha perdamaian di meja perundingan dan diplomatik tetap diteruskan oleh Malaysia termasuklah telah menggunakan saluran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menyekat pencerobohan Indonesia. Manakala dalam persidangan Afro-Asia Tun Abdul Razak telah cuba mengikis propaganda yang telah disebarkan oleh Indonesia terhadap Malaysia. Walaupun Malaysia gagal mendapatkan bantuan dari Amerika Syarikat atas sebab-sebab tertentu, namun Malaysia telah mendapat bantuan ketenteraan dari Negara-Negara Komanwel (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1965).

Akhirnya konfrontasi Indonesia-Malaysia tamat apabila Sukarno telah dijatuhkan dalam Gerakan September 30 PKI (G 30S.PKI). Sebelum itu beberapa rundingan sulit telah dilakukan oleh pegawai-pegawai tinggi tentera Indonesia (tanpa pengetahuan Sukarno) dengan pemimpin-pemimpin Malaysia untuk mencari jalan penyelesaian dalam sengketa Malaysia-Indonesia (Abdullah Ahmad, 1987). Terdapat juga usaha-usaha perdamaian yang cuba dijalankan oleh pihak ketiga iaitu oleh Robert Kennedy (Peguam Negara Amerika), dan Putera Norodom Sihanouk (Presiden Kemboja). Kemuncak kepada usaha-usaha tersebut, pada 31 Ogos 1966, Perjanjian Pemulihan Persahabatan telah ditandatangani di antara Tun Abdul Razak (Malaysia) dan Adam Malik (Indonesia) di Bangkok (The Malay Mail, 1966).

Tamatnya konfrontasi yang berlaku adalah sesuatu yang amat menggembirakan semua pihak. Dalam proses kearah perdamaian ini banyak faktor yang menyumbang kepada kesedaran ke arah penamatan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dan pemulihan hubungan antara kedua-dua buah negara. Antara yang paling penting ialah kesedaran yang timbul di kalangan para pegawai tinggi tentera Indonesia serta kesungguhan mereka untuk mengakhiri peranan dan pengaruh PKI sekaligus menamatkan konfrontasi. Selain dari itu, Malaysia telah mendapat simpati dari kalangan negara-negara utama dunia terutamanya pihak Barat. Faktor keamatan hubungan persahabatan dan wujudnya tali persaudaraan di kalangan beberapa orang

tokoh tertinggi di kedua-dua buah negara juga turut menjadi faktor penyumbang kepada pemulihan hubungan diplomatik Malaysia dan Indonesia (Kunaselan, 1996).

Pengaruh Konfrantasi Dalam Hubungan Malaysia-Indonesia 1963-1966

Konfrantasi yang berlaku tidak dapat dinafikan telah mempengaruhi senario hubungan serantau antara kedua-dua negara. Hubungan persamaan kebudayaan, agama dan bangsa yang telah mendorong kepada lahirnya hubungan persahabatan Malaysia-Indonesia sebelum berlaku konfrantasi, kini menghadapi zaman gerhananya. Banyak keputusan kepada dasar luar dibuat berdasarkan kepada situasi persengketaan yang berlaku dan dilakukan dengan penuh berhati-hati.

1) Ideologi

Pengaruh nasionalisme yang di bentuk oleh penjajah barat telah menjadi akar umbi kepada masyarakat kedua negara. Nasionalisme melampau yang ditunjangi ideologi Komunisme telah menyebabkan hubungan di bataskan menerusi sempadan negara melebihi dari rasa persaudaraan dan persamaan yang selama ini menjadi intipati hubungan Malaysia-Indonesia. Seperti sengketa di Korea dan Vietnam demikian juga Malaysia dan Indonesia, memperlihatkan bahawa faktor pertentangan ideologi telah mengatasi faktor-faktor persamaan bangsa, agama dan kebudayaan. Konfrantasi, menunjukkan secara jelas bahawa ideologi komunis telah menjadi dalang utama terhadap dasar konfrantasi Indonesia ke atas Malaysia. PKI telah

berjaya memainkan peranan yang besar dalam dasar luar Indonesia di Zaman Demokrasi Terpimpin (Mortimer, 1974).

2) Partai Komunis Indonesia

Pengaruh PKI dalam pembuatan dasar adalah amat jelas lebih-lebih lagi dalam waktu konfrantasi. Penghantaran sukarelawan ataupun tentera Indonesia ke Malaysia sewaktu konfrantasi banyak didalangi oleh kehendak PKI untuk meluaskan pengaruh mereka. Setelah Sukarno dijatuhkan dan PKI telah lumpuh akibat kegagalan G30S/PKI, kerajaan Indonesia telah mengambil keputusan untuk menamatkan konfrantasi (Reinhardt,1967). Jeneral Suharto yang telah menggantikan Sukarno telah membuat kenyataan bahawa mereka bersedia untuk menamatkan konfrantasi. Sebelum itu, pegawai-pegawai tinggi Malaysia dan Indonesia yang anti-komunis telah mengadakan pertemuan secara sulit bagi membincangkan usaha-usaha untuk menamatkan konfrantasi. Perubahan dasar luar Indonesia yang anti komunis berbanding dengan pro-komunis semasa Sukarno telah menjadi sebab utama penamatan konfrantasi. Ia juga menunjukkan betapa besarnya peranan pemerintahan dan ideologi politik dalam pelaksanaan dasar luar Indonesia.

3) Sukarno

Keperibadian Sukarno yang agak radikal juga turut mempengaruhi dasar luar Indonesia. Sikap Sukarno ini mungkin hanya sesuai ketika beliau memimpin

Revolusi Rakyat Indonesia menentang penjajah tetapi pendekatan tersebut tidak begitu pragmatik dalam mempraktikkan dasar luar negara itu. Sukarno juga telah melakukan kesilapan yang besar apabila telah memberikan ruangan yang besar kepada PKI dalam politik Indonesia (Brackman, 1963).

4) Kolonialisme

Penjajahan dan Kolonialisme merupakan agenda utama yang dilaung-laungkan Sukarno dan PKI dalam usaha menarik perhatian dan sokongan rakyat untuk menentang penyatuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Singapura serta Brunei sebagai Persekutuan Malaysia. Sukarno sering membuat kenyataan bahawa pembentukan Malaysia adalah didalangi oleh pihak penjajah. Hal ini amat bertentangan dengan pengakuan Lee Kuan Yew tentang kemasukan Singapura ke dalam Malaysia, "sukarelawan Indonesia tidak akan dapat menyekat Malaysia, Malaysia lebih memerlukan jaminan keselamatan kepada kami" (The Strait Times, 1963).

Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia adalah dengan suara majoriti. Sementara itu pemberontakan yang dilancarkan oleh A.M. Azahari dan penyokongnya merupakan tindakan orang-orang yang kecewa dalam politik. Mereka merasakan kedudukan mereka semakin terganggu sekiranya Brunei menyertai Malaysia. Ia bukanlah penentangan seluruh rakyat Brunei (Kroef, 1963).

6) Ethnosentrisme

Sikap Sukarno yang menolak tawaran-tawaran perdamaian dari Malaysia memperlihatkan Sukarno mahu menunjukkan kekuatan Indonesia terhadap Malaysia yang merupakan sebuah negara yang baru merdeka. Manakala Tunku pula merupakan seorang pemimpin yang lebih berdiplomasi dalam dasar luar negara. Sikap ini jelas dapat dilihat melalui ucapannya ketika menolak dakwaan Sukarno yang menuduh penubuhan Malaysia adalah bertujuan untuk mengepung Indonesia,

...apalah daya kita hendak kepong Indonesia rakyat kita hanya 10 juta, sedang rakyat Indonesia lebih dari 100 juta, kita tidak ada senjata, tidak banyak tentera... Malaysia ini lebih percayakan beras dari peluru, lebih percaya pakaian rakyat dari uniform, lebih percaya rumah-rumah rakyat dari berek-berek.
(Utusan Melayu, hal.1).

Faktor-faktor di atas menunjukkan bahawa persamaan agama, bangsa dan kebudayaan bukanlah merupakan faktor utama dalam menentukan dasar luar Indonesia ke atas Malaysia di zaman Sukarno.

Impak Konfrantasi

Peristiwa konfrantasi yang berlaku telah memberikan impak yang besar kepada perubahan keadaan Malaysia dan Indonesia. Ini tidak hanya melibatkan hubungan antara kedua-dua negara sahaja tetapi juga melibatkan hubungan dengan negara-

negara lain. Ia juga melibatkan soal perkembangan dari aspek ekonomi, politik dan sosial yang kebanyakannya terbantut sewaktu konfrantasi. Konfrantasi banyak memberikan pengajaran dan menjelaskan segala gambaran keburukannya yang selepas itu menjadi panduan dalam konteks perkembangan kedua-dua buah negara.

1) Sosial

Pertalian kesamaan yang selama ini menjadi ikatan asas bagi hubungan Malaysia Indonesia menjadi penyumbang utama kepada usaha menamatkan konfrantasi. Persengketaan dapat ditamatkan dengan lebih mudah setelah tersingkirnya PKI dan Sukarno dari politik Indonesia. Peristiwa pertemuan delegasi Indonesia dan Malaysia di Lapangan Terbang Subang pada 27 Mei 1966 menunjukkan seolah-olah pertemuan semula dua saudara yang telah terpisah, bukan sebagai dua bangsa yang telah bermusuhan. Beribu-ribu rakyat Malaysia khususnya orang-orang Melayu mengalu-alukan wakil-wakil dari Indonesia dengan diiringi oleh air mata kegembiraan.

...kesanggupan dan kejujuran pihak pemimpin-pemimpin politik dan tentera Indonesia serta juga kesanggupan pemimpin-pemimpin politik dan kerajaan Malaysia menghentikan persengketaan sangatlah mengharukan (Dewan Masyarakat, 1966)

2) Ekonomi

Impak terbesar akibat konfrantasi yang berlaku tidak dapat dinafikan adalah disegi ekonomi terhadap kedua buah negara khususnya Indonesia yang agak disisihkan oleh masyarakat antarabangsa. Pemimpin-pemimpin masyarakat dan tentera menyedari keadaan ekonomi semasa Demokrasi Terpimpin di bawah Sukarno amat merosot. Ini di akui sendiri oleh Harold Crouch, "*no one would deny that the Indonesian economy was in terrible mess during the last years of Guided Democracy*" (Crouch, 1978). Tindakan Indonesia melancarkan konfrantasi ke atas Malaysia juga dikatakan sebagai untuk lari dari masalah ekonomi di Indonesia pada masa itu. Konfrantasi telah dijadikan sebagai satu alasan yang kukuh bahawa perbelanjaan kerajaan lebih ditumpukan kepada soal ketenteraan bagi perjuangan revolusi Indonesia. Menurut S.Nihal Singh, konfrantasi Indonesia ke atas Malaysia adalah bersifat 'perang psikologi', akibat dari kegagalan Indonesia untuk memperbaiki taraf ekonomi melalui dasar 'ala sosialisnya', manakala Malaysia telah kian maju dengan mengamalkan dasar ekonomi bebas yang didakwa oleh Sukarno sebagai menindas rakyat (Nihal Singh, 1971).

Di akhir Demokrasi Terpimpin, Indonesia telah mengalami kadar inflasi yang lebih dari 600 peratus, kemerosotan tukaran luar dan rasuah yang berleluasa. Sekiranya masalah kemiskinan ini tidak di atasi dengan segera, pihak komunis akan lebih mudah meluaskan pengaruhnya di Indonesia. Selaras dengan itu para pemimpin

tentera Indonesia menyadari perlunya ada hubungan baik dengan negara jiran (Leifer, 1966). Ini kerana kewujudan persengketaan hanya akan menghalang pembangunan dalam negeri. Indonesia juga bercadang untuk menerima bantuan dari negara-negara Barat yang dulunya ditolak oleh Sukarno (Weistein, 1976).

Selain dari itu semasa konfrantasi juga keadaan ekonomi Malaysia turut merosot. Malay Mail melaporkan pengeluaran bijih timah telah turun sehingga kepada 2,400 ton pada 19 Disember 1962 dan harga getah pula telah turun sejak bulan Februari 1963.

3) Politik

Di segi politiknya peristiwa konfrantasi sememangnya memberikan kesan yang besar terhadap senario politik semasa di Indonesia. Peristiwa ini telah menyedarkan golongan tentera Indonesia tentang bahaya pengaruh komunis di Indonesia serta kesannya terhadap pentadbiran Indonesia di bawah Sukarno (Mortimer, 1974). Ini berkaitan dengan perhubungan baik yang wujud di antara Sukarno dan PKI. Pada hakikatnya Parti Komunis China (PKC) yang memerintah China dalam perancangan meluaskan pengaruh mereka menerusi PKI dan seterusnya melalui Sukarno dengan tujuan untuk meluaskan pengaruh di Asia Tenggara (Mozingo, 1965).

Selain itu konfrantasi juga memperlihatkan wujudnya ketegangan hubungan Malaysia-Indonesia di peringkat antarabangsa. Langkah Indonesia keluar dari (PBB) pada 1965, merupakan gambaran sikap permusuhan Indonesia terhadap Malaysia di PBB (Sundhaussen,1982).

4) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Peristiwa konfrantasi juga merupakan di antara cabaran awal yang dihadapi PBB Isu konfrantasi yang telah dibawakan oleh Malaysia ke PBB dan perkaitannya dengan kuasa veto menunjukkan kelemahan badan itu untuk berperanan sebagai badan dunia yang berfungsi untuk menjaga keamanan dunia apatah lagi untuk menjamin keselamatan negara-negara kecil, (Malaysia contohnya). Sedangkan pencerobohan Indonesia memang diakui sendiri Menteri Luarnya (Abdullah Ahmad, 1987).

Soal keanggotaan dalam PBB juga tidak jelas. Semasa konfrantasi, Indonesia telah bertindak keluar dari PBB. Namun semasa Suharto, Indonesia telah “merujuk” semula ke dalam PBB. Tindakan tersebut boleh menjadi contoh kepada anggota-anggota lain yang mahu bertindak tanpa berfikir panjang seperti yang telah dilakukan oleh Suharto. Indonesia telah bergabung dengan China dalam usaha hendak menubuhkan Conference of New Emerging Forces (CONEFO) iaitu setelah Indonesia keluar dari PBB (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1972).

5) Dasar Luar

Di antara impak paling penting hasil dari peristiwa konfrantasi ialah cara Malaysia menangani dasar luarnya telah berubah. Malaysia yang sebelumnya berpegang sepenuhnya kepada prinsip-prinsip dasar luar yang merupakan asas kepada pembentukan hubungan antarabangsa bagi setiap negara di dunia moden ini mula mengamalkan sikap lebih “flexible” dan berhati-hati. Peristiwa konfrantasi secara langsung telah membuktikan bahawa Indonesia tidak menghormati prinsip-prinsip dasar luarnya sebagaimana yang termaktub dalam Pengisytiharan Bandung 1955, perkara 2 dan 4 menyebut, “Menghormati kedaulatan dan ketuanan semua negara. Tidak campurtangan dal dalam negeri sesebuah negara...” (I.A.A Ide Agung, 1965; *Malaya-Indonesia Relation*, 1963). Selain dari itu Indonesia juga telah melanggar Pengisytiharan Negara-Negara Berkecuali di Kaherah pada 1964 yang menegaskan perlunya hidup bersama dan pentingnya prinsip menentukan hak sendiri. Pengisytiharan tersebut telah meminta supaya sesebuah negara jangan menggunakan kekerasan terhadap negara lain.

Selain itu sikap terbuka Amerika yang telah membantu Indonesia dan mengenyahkan hak Malaysia semasa konfrantasi telah menyedarkan Malaysia akan betapa bahayanya sekiranya terlalu bergantung kepada kuasa-kuasa besar. Amerika Syarikat walaupun sering menyatakan bahawa Malaysia merupakan ‘obor demokrasi’ di Asia Tenggara, tetapi telah membantu Indonesia yang jelas

menunjukkan ciri kediktatorannya Malaysia (Zainal Abidin Abdul Wahid,1978).
Biarpun Malaysia amat kecewa dengan sikap Amerika itu tetapi tetap menghormati
pendirian Amerika dan tidak menjejaskan hubungan Malaysia-Amerika.

Walaupun bagaimanapun hasil pengajaran dari sikap Amerika itu, Malaysia telah mula
membuat hubungan diplomatik dengan Soviet Rusia yang merupakan sebuah
negara komunis pada tahun 1968 (Foreign Affairs Malaysia, 1968). Perubahan
dasar Malaysia ini bagi menonjolkan sikap berkecuali Malaysia dalam soal Perang
Dingin selain dari memenangi pasaran ekonomi di Soviet. Pembaharuan dalam
dasar luar ini telah memberikan peluang kepada Malaysia dalam soal meluaskan
pasaran bijih timah dan getah walaupun pasaran dengan Soviet Rusia tidak sebesar
pasaran Malaysia dengan Amerika Syarikat.

Sementara itu konfrantasi juga turut memberikan kesan ke atas hubungan Malaysia
dengan Britain. Konfrantasi telah menyedarkan Britain akan betapa mahalnyanya
menjadi sebuah kuasa besar. Semasa konfrantasi, lebih dari 50,000 tentera dan
kakitangan terlibat dalam usaha mempertahankan Malaysia. Kesan dari keadaan ini
telah menjadi salah satu faktor yang menyebabkan Britain mengambil keputusan
untuk keluar dari Asia Tenggara dan menarik tenteranya dari Timur Suez (Zainal
Abidin bin Abdul Wahid, 1980).

Faktor pengunduran Britain dari Asia Tenggara dan pengalaman Malaysia tentang
sikap Amerika Syarikat di awal konfrantasi telah mendorong Malaysia mencari

jalan keluar untuk tidak terikat dengan Barat yang kemudiannya membawa kepada muncul dasar Tanpa Pihak (Non-Aligned) dan Perkecualian Asia Tenggara (Zain Azraai, 1973).

6) ASEAN

Penamatan konfrantasi pada tahun 1966 disambut gembira semua pihak dan negara jiran. Peristiwa konfrantasi telah membuka kepada ruang kerjasama antara negara jiran di Asia Tenggara. Pemimpin-pemimpin Malaysia dan Indonesia sedar perlunya kerjasama rapat di antara kedua-dua negara. Kepentingan akan hubungan baik di antara Malaysia dan Indonesia, seperti yang diucapkan oleh Tun Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman, Menteri Dalam Negeri pada 23 Jun. 1966 di Johor Bahru, antara lainnya berbunyi,

We Malaysian naturally welcome the recent developments in the Indonesia Government's avowed intention to end confrontation and to usher in a new era of friendly relations between our two countries. We welcome to growing desire for a new era of regional cooperation...It is in our own interest that we would immediately explore every avenue of co-operation with our own interests to prove by positive deeds that Malaysian-Indonesian friendship is a cornerstone of Malaysian foreign policy (Foreign Affairs Malaysian, 1966).

Adam Malik pernah berkata bahawa Indonesia tidak perlu menunggu musuh menyerang Indonesia tetapi akan turut sama bertahan bersama Malaysia di Malaysia. Seterusnya selepas konfrantasi, Malaysia dan Indonesia telah mempertingkatkan hubungan dalam pelbagai bidang. Atas kesedaran yang sama

juga Malaysia dan Indonesia telah sama-sama bergandengan menubuhkan ASEAN dengan kerjasama Thailand, Filipina dan Singapura.

Kesimpulan

Secara keseluruhan dapatlah dirumuskan peristiwa konfrantasi yang berlaku merupakan sesuatu yang malang berlaku di antara jiran serumpun. Biarpun begitu ia juga merupakan satu pengajaran yang amat berguna kepada Malaysia dan Indonesia dalam membentuk dasar luar yang bersesuaian dan perlu bagi menangani permasalahan yang timbul diantara dua negara jiran. Konflik yang ditonjolkan menerusi konfrantasi Indonesia ke atas Malaysia menunjukkan kepentingan untuk sesebuah negara dalam berpegang teguh kepada prinsip dasar luar yang tidak mahu campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain. Di samping itu juga hubungan antara negara juga perlu menitikberatkan soal saling menghormati antara satu sama lain. Konfrantasi juga memberi panduan kepada negara baru merdeka agar sentiasa berwaspada dalam menerima pengaruh ideologi-ideologi yang akan membawa kehancuran sesebuah negara seperti Komunisme ataupun Nasionalisme yang melampau. Pergantungan terhadap negara-negara besar oleh negara-negara kecil dan baru merdeka juga perlu dikurangkan agar tidak dijadikan alat peluasan pengaruh dan ideologi oleh negara besar. Pada masa yang sama negara-negara yang baru merdeka perlu bersatu dan duduk bersama dalam satu pergerakan yang mantap. Biarpun begitu peristiwa konfrantasi sebenarnya merupakan “blessing in disguise” bagi negara-negara di Asia Tenggara juga negara-negara kecil yang lain. Ini kerana

konfrantasi membuka ruang kepada wujudnya pergerakan dan pertubuhan kerjasama serantau seperti ASEAN. Konfrantasi membuktikan bahawa perasaan curiga-mencurigai di antara pemimpin-pemimpin Indonesia dan Malaysia telah mengeneipkan keistimewaan yang terdapat di antara Malaysia dan Indonesia seperti kedekatan geografi, talian etnik, agama, kebudayaan dan bangsa yang sepatutnya menjadi penyumbang utama dalam mengikat erat hubungan di antara Malaysia dan Indonesia. Namun apa yang paling penting ialah konfrantasi telah menyedarkan pemimpin-pemimpin Malaysia dan Indonesia akan perlunya kerjasama demi untuk kepentingan bersama dan kestabilan negara dan Asia Tenggara amnya.

Bibliografi

- 1) Abdullah Ahmad, 1987. *Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Malaysia 1963 – 1970*, Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn Bhd.
- 2) *Antara News Buletin*, 1963. 22 January.
- 3) *Antara News Bulletin*. 1963.18 January
- 4) Brackman, Arnold. 1966. *Southeast Asia's Second Front, The Power Struggle in The Malay Archipelago*. Frederick A Preager: New York,
- 5) _____ . 1963. *Indonesia Communism: A History*. New York: Frederick A Preager
- 6) Crouch, Harold. 1978. "Indonesia's "New Order". *Jurnal Hubungan Antarabangsa 1975-1978*. Kelab Hubungan Antarabangsa, Kuala Lumpur: Universiti Malaya,
- 7) Feith, Herbet 1963. "The Dynamics of Guided Democracy". Dalam T.Ruth McVey, *Indonesia*. New Heaven: Human Relations Area Files (HRAF) Press, *Foreign Affairs Malaysia*. 1968, vol.iv,no.6,
- 8) Hindley, Donald. Jun 1964. "Indonesian's Confrontation with Malaysia: A Search for Motives". *Asia Survey*, vol.iv,no.6,
- 9) Ide Agung, I.A.A.1973.*Twenty Years Indonesian foreign Policy 1945-1965*. The Hague: Mounton.
- 10) Jones, H.P. 1971. *Indonesia. The Possible Dream..*, New York: Javanovich Inc.
- 11) Kennedy, J. 1993. *History of Malaya*. (Third edition). KualaLumpur: S.Abdul Majeed & Co.

- 12) Kunaseelan a/l Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 13) Kroeff, Justus van der. April 1963. "Indonesia, Malaya and the Borneo Crisis". *Asian Survey*, vol.25,no.4.
- 14) Leifer, Michael 1966. "Indonesian and Malaysia: The Changing Face of Confrontation". *The World Today*. Vol.22.no.9. September.
- 15) Mackie, J.A.C. 1974. *Konfrantasi The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- 16) *Malaya-Indonesia Relations*. 1963. 31.7.1959-15.9.1963. Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan Malaysia.
- 17) Mezerick, A.G. 1975. *The Malaysia-Indonesia Conflict*. New York: International Service.
- 18) Mortimer, Alfred Rex, 1976. "Malaysia dan Kerjasama Serantau Asia Tenggara", Kongres Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 19) Nathan, K.S. 1973 "Nationalism and Foreign Policy: The Case of Indonesia Under Sukarno". *Nusantara*, bil. 10, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 20) Nihal Singh, 1971. *Malaysia A Commentary*. New Delhi: A Associated Publishing House.
- 21) Reinhardt, Jon Mc Ewan 1967. *Nationalism and Confrontation in the South East Asia Islands. The Sources of Indonesian Foreign Policy*, Michigan: University Microfilms, Inc. Ann Arbor.
- 22) *Siri Ucapan-ucapan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 1959-1960*, TAR: 2:11:55, 1985. Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- 23) Stevenson, William. 1965. *Birds Nest in Their Beards*. London: Hutchinson.
- 24) Sundhaussen, Ulf. 1982. *The Road to Power, Indonesia Military Politics. 1945-1967*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- 25) *The Malay Mail*, 13 April 1963
- 26) *The Malay Mail*, 1963. 13 February.
- 27) *The Malay Mail*, 31 August 1966.
- 28) *The Malay Mail*, 1963. 13 February.
- 29) *The Straits Times*, 1 January 1963.
- 30) *The Straits Times*, 17 Ogos 1964.
- 31) *The Straits Times*, 2 September 1964
- 32) *The Straits Times*, 21 February 1963
- 33) *The Straits Times*, 22 February 1963
- 34) *The Straits Times*, 1963. 26 January
- 35) *Utusan Melayu*, 19 November 1962.
- 36) *Utusan Melayu*, 19 Oktober 1962.
- 37) Weatherbee, Donald E. 1966. *Ideology in Indonesia: Sukarno's Indonesian Revolution*. Monograph Series, no. 8, Yale University:

- 38) Weistein, Franklin B. *Indonesia Foreign Policy and The Dilemma of Dependence From Sukarno to Sueharto*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- 39) Zain Azraai. 1973. "Neutralization and Southeast Asia". Dalam L.T. Soon. (ed), *New Directions in International Relations of Southeast Asia*. Singapura: National University of Singapore.
- 40) Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 1965. "Malaysia, Southeast Asia and World Politics". Dalam Wang Gungwu. (ed), *Malaysia A Survey*. New York: Frederick A Praeger.
- 41) _____ . 1978. *Sejarah dasar Luar Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- 42) _____ . 1980. "Confrontation A Study of Malaysia-Indonesia Relation: Its Implication". *Nusantara*. Kuala Lumpur.